

15 MAR 1996

Muhammad - swasta

KERAJAAN HARGAI PERANAN SWASTA SEDIAKAN PRASARANA

SHAH ALAM, 15 Mac (Bernama) -- Kerajaan sentiasa menghargai peranan sektor swasta dalam menyediakan prasarana seperti jalan raya yang merupakan asas bagi pertumbuhan ekonomi, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Beliau berkata sektor swasta yang tampil sebagai alternatif kepada kerajaan meneruskan pembangunan prasarana telah membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan.

"Masyarakat kini juga mulai melihat swasta sebagai penyumbang kepada pembangunan negara dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata," katanya pada majlis menandatangani perjanjian pinjaman untuk membina Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara di sini, hari ini.

Lebuhraya baru sejauh 17.5 kilometer yang berharga RM363 juta itu akan dibina oleh Lebuhraya Shapadu Sdn Bhd yang mendapat pinjaman bersindiket bebas faedah Al-Bai'Bithaman Ajil sebanyak RM200 juta daripada lapan buah bank dan institusi kewangan.

Beliau berkata bagi Selangor lebih banyak jalan raya akan dibina untuk memudahkan aliran pengangkutan dan menghubungkan pusat-pusat ekonomi di samping mencetuskan kewujudan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi baru.

Muhammad berharap rangkaian lebuhraya dan sistem pengangkutan dapat berkembang seiringan dengan kawasan pertumbuhan baru terutama di Selangor supaya pembangunan dapat dibawa ke kampung-kampung untuk manfaat rakyat.

Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (AMMB) bertindak sebagai penasihat, penyusun dan pengurus utama sindiket pinjaman itu yang turut melibatkan Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Utama (M) Berhad, DCB Bank Berhad, Kewangan Industri Berhad, Mayban Finance Berhad, Perwira Affin Bank Berhad dan The Pacific Bank Berhad.

Pengerusi AMMB Tan Sri Azman Hashim berkata Shapadu akan mengutip tol untuk tempoh konsesi selama 25 tahun daripada lebuhraya itu yang akan mula dibina tidak lama lagi dan dijangka dibuka kepada lalulintas pada tahun 1998.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Shapadu, Datuk Haji Shahrani Abdullah berkata apabila Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara yang baru itu siap, Shapadu akan mencadangkan kepada kerajaan supaya kenderaan berat yang menggunakan Lebuhraya Shapadu sekarang menggunakan lebuhraya pintas itu.

Katanya, pembinaan lebuhraya pintas itu akan memberi manfaat kepada pembangunan kawasan pesisir Klang Utara yang akan dibangunkan seluas 640 hektar yang dijangka menarik pelabur industri berat, komersil dan pelancongan yang akan membuka lebih 2,000 pekerjaan.

Selain itu lebuhraya itu yang akan bermula dari Persimpangan Bukit Raja hingga ke Pelabuhan Utara juga akan menjadi penghubung ke projek pembangunan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Selangor di kawasan seluas 1,172 hektar di sekitar Pelabuhan Klang.

Shahrani berkata Lebuhraya Shapadu yang ada sekarang merupakan projek penswastaan pertama yang berjaya di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MNY AKD